

Tanda-tanda kegagalan ginjal kronik

- Badan berasa letih disebabkan oleh kekurangan darah dan pengumpulan bahan-bahan toksik
- Hilang selera makan, rasa loya dan muntah disebabkan oleh pengumpulan bahan-bahan toksik
- Kencing lebih kerap terutamanya pada waktu malam; disebabkan oleh ginjal tidak dapat memekatkan urin.

# Kegagalan ginjal kronik kerana kencing manis

BERITA MINGGU 4/5/08 M/S 11

## Masalah buah pinggang berlaku dalam kadar perlahan, tanpa disedari pesakit

**P**ENYAKIT kegagalan ginjal kronik meningkat secara mendadak sejak 20 tahun kebelakangan ini dengan lebih daripada 50 peratus disebabkan kencing manis.

Mengikut statistik Pendaftaran Buah Pinggang Kebangsaan (National Renal Registry) pada 2006, sebanyak 57 peratus pesakit yang memerlukan dialisis adalah pesakit kencing manis.

Pada hujung tahun berkenaan pula didapati 14,697 pesakit di Malaysia terpaksa menjalani rawatan dialisis dengan 3,152 membabitkan kes baru. Ini bermakna, insiden penyakit kronik ginjal semakin meningkat.

Sebenarnya, dalam soal masalah ginjal, jika ia dapat dikesan lebih awal, rawatan dialisis dapat dielakkan atau dilewatkan.

Apabila terjadi kegagalan ginjal, ia bermaksud ginjal tidak melakukan fungsi dengan baik. Keadaan ini boleh berlaku secara tiba-tiba. Kegagalan ginjal ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kegagalan ginjal akut (Acute Renal Failure) dan kegagalan ginjal kronik (Chronic Renal Failure).

### Faktor kegagalan ginjal akut

Fungsi ginjal menurun dengan kadar yang cepat (dari hari ke minggu) adalah kes serius. Memang ada peluang untuk sembuh sepenuhnya tetapi jika kerosakan teruk berlaku fungsi ginjal mungkin tidak boleh sem-

buh. Keadaan ini memerlukan rawatan dengan segera jika tidak peluang untuk sembuh sepenuhnya adalah tipis. Kebanyakan pesakit perlu mendapat rawatan di hospital.

- Pre-renal (sebelum ginjal): Berlaku apabila tekanan darah sangat rendah, pendarahan yang teruk, jangkitan kuman yang kuat, dehidrasi (kekurangan air)
- Renal di dalam ginjal: Radang atau inflamasi (acute glomerulonephritis), jangkitan kuman (acute pyelonephritis), toksin/kesan pengambilan ubat-ubatan seperti ubatan tradisional.

**FAKTA**

### Ginjal bermasalah



Ureter

- Permukaan yang berbijil
- Fungsi merosot
- Saiz mengecut
- Kandungan protein dalam urin meningkat

- Post Renal (selepas ginjal iaitu ureter/pundi kencing/urethra): Berlaku apabila saluran keluar air kencing tersumbat sama ada disebabkan oleh ketumbuhan/barah, batu (renal stones).

### Faktor kegagalan ginjal kronik

Kegagalan ginjal berlaku dalam kadar yang perlahan yang mengambil masa berbulan-bulan atau bertahun-tahun dan berlaku tanpa disedari. Fungsi ginjal akan terus merosot dari masa ke semasa. Apabila fungsi kurang daripada 10 ke 15 peratus rawatan dialisis atau transplant diperlukan.

- Prerenal (sebelum ginjal) salur darah yang tersumbat

(atherosclerosis) mengakibatkan ginjal kekurangan oksigen ("ischaemic nephropathy").

- Renal(di dalam ginjal) Disebabkan glomerulonephritis " inflammation" (radang) ginjal,masalah penyakit buah pinggang yang diwarisi atas faktor keturunan (Polycystic kidney disease) dan diabetes. Selain itu ia disebabkan tekanan darah tinggi yang tidak dirawat dan penggunaan ubat tahan sakit yang berlebihan.
- Post Renal (selepas Ginjal) Selepas ginjal iaitu ureter/pundi kencing/ urethra. Berlaku apabila saluran keluar air kencing tersumbat, ketumbuhan/ barah, batu/ renal stones.

Oleh Dr Rafidah Abdullah Pakar Perunding Nefrologi, Jabatan Nefrologi,Hospital Selayang.